



DR. SITI HASMAH

Ada golongan guna persatuan untuk faedah diri-Hasmah

KUALA LUMPUR, Rabu — Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah kesal dengan tindakan golongan yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan nama Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk memungut erma daripada orang ramai bagi kepentingan mereka sendiri.

Berucap melancarkan kutipan erma rayuan Hari Pahlawan melalui radio dan Televisyen Malaysia malam ini, beliau mengesakan, hanya Peratuan Bekas Perajurit Malaysia sahaja diberi kebenaran oleh pihak berkuasa untuk mengutip derma.

Jelasnya, kutipan derma itu akan dijalankan hanya di sepanjang bulan Oktober ini dan pihak Persatuan tidak menetapkan jumlah sumbangan yang patut diberi.

"Terpulang kepada keikhlasan para enderma," katanya.

Beliau menggesa orang ramai yang aguragu terhadap sesiapa yang mengutip derma untuk rayuan Hari ahlawan supaya menghubungi Peratuan Bekas Perajurit Malaysia untuk mendapat penjelasan.

Datin Seri Dr. Siti Hasmah seterusnya berharap orang ramai akan yenderma dengan ikhlas dan memantu usaha-usaha Persatuan Bekas erajurit itu.

"Kita hendaklah sentiasa menginsafi pengorbanan yang telah icurahkan oleh para perajurit kita.

"Mereka ialah berkhidmat dengan cemerlang bagi menjaga keselamatan dan mempertahankan kedaulatan negara.

"Dalam menjalankan tugas-tugas berani itu ada di antara mereka telah cacat anggota dan terkorban," kata beliau.

Katanya dengan pengorbanan mereka itu, seluruh rakyat dapat hidup dalam aman dan tenteram.

Justeru itu, setiap lapisan masyarakat mempunyai tanggungjawab bagi menolong persatuan tersebut meningkatkan lagi aktiviti-aktivitinya.

Mengenal kutipan derma itu, Datin Dr. Hasmah berkata, sebagai usaha dijalankan untuk mengutip derma daripada orang ramai antaranya mengedar surat-surat rayuan, menjual pekekat-pekekat kereta dan lain-lain.

Katanya, dengan derma yang dikumpulkan, persatuan itu telah mengadakan skim-skim bantuan kebajikan kepada ahli-ahli Persatuan yang memerlukan serta tanggungan-tanggungan mereka.

Beliau memberitahu, antara skim-skim bantuan yang sedang diselenggarakan ialah bantuan bulanan kepada balu-balu, ahli-ahli yang uzur, atau cacat anggota serta bantuan pelajaran kepada anak-anak ahli yang memerlukan.